



Ruj. Tuan : SSM/SPA/ / /

Ruj. Kami : 7 Oktober 2011

Tarikh :

**Kepada Presiden/ Setiausaha**

Badan Profesional / Persatuan Setiausaha / Dewan Perniagaan

Y. Bhg. Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan

**PENGUMUMAN BERHUBUNG PENERBITAN NOTA AMALAN  
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA:**

- **PRACTICE NOTE NO. 10/2011: LODGEMENT OF ANNUAL RETURN WHERE ANNUAL GENERAL MEETING CANNOT BE CONVENED**
- **PRACTICE NOTE NO. 11/2011: CLARIFICATION ON WHETHER A SOCIETY CAN BE A MEMBER OF A COMPANY**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak Y. Bhg. Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, bersama-sama ini dilampirkan pengumuman Nota Amalan 10/2011 dan Nota Amalan 11/2011 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berkaitan dengan perkara yang disebut di atas.

3. Untuk makluman Y. Bhg. Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan seterusnya, ringkasan kandungan Nota-Nota Amalan tersebut adalah seperti berikut:

- (a) **PRACTICE NOTE NO. 10/2011: LODGEMENT OF ANNUAL RETURN WHERE ANNUAL GENERAL MEETING CANNOT BE CONVENED**

Nota Amalan ini dikeluarkan dengan tujuan memberi makluman dan prosedur yang perlu dipatuhi berhubung penyerahsimpanan Penyata Tahunan oleh syarikat di mana Mesyuarat Agung Tahunan tidak dapat diadakan disebabkan kekurangan kuorum di dalam keadaan-keadaan tertentu.

(b) **PRACTICE NOTE NO. 11/2011: CLARIFICATION ON WHETHER A SOCIETY CAN BE A MEMBER OF A COMPANY**

Nota Amalan ini dikeluarkan dengan tujuan untuk memperjelaskan kepada pihak-pihak berkepentingan sama ada sesebuah persatuan dibenarkan menurut undang-undang untuk menjadi ahli sesebuah syarikat dan keperluan-keperluan lanjut yang berkaitan dengannya.

4. Di sini kami ingin memohon perhatian dan jasa baik pihak Y.Bhg. Tan Sri/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan untuk menyebarkan dan menghebahkan makluman ini kepada semua ahli persatuan melalui laman web, emel dan pos.

5. Sebarang maklumat lanjut bolehlah menghubungi kami di talian telefon 03-2299 5489 atau dengan melayari laman web SSM : [www.ssm.com.my](http://www.ssm.com.my)

Segala sokongan, perhatian dan kerjasama yang diberikan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian terima kasih.

**"KE ARAH KECEMERLANGAN SSM"**

Yang benar,

b/p 

**MOHAMMAD SHAHREN MOHAMAD YUSRI**

b/p Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Syarikat Malaysia